

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN AKMAL NASRULLAH
BIN MOHD NASIR [JOHOR BAHARU]**

TARIKH : 12 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD NASIR [JOHOR BHARU] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan tindakan Kerajaan bagi membantu rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura yang telah terputus pendapatan atau yang bakal hilang pekerjaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan Yang Mulia ini, pandemik COVID-19 yang melanda rantau ini telah memberi kesan kepada pekerja di seluruh dunia termasuk pekerja Malaysia di Singapura. Penamatan pekerja Malaysia di Singapura mula ketara pada suku ke-3 tahun 2020 apabila masalah ekonomi kian meruncing dan pihak majikan terpaksa mengurangkan kos operasi melalui pengurangan tenaga kerja.

2. Kesan yang ketara adalah kehilangan pendapatan akibat daripada tindakan pengurangan kos operasi oleh syarikat. Kehilangan pendapatan ini merangkumi pengurangan gaji secara sementara atas tindakan pengurangan hari atau waktu bekerja demi memastikan pekerjaan pekerja dapat dikekalkan. Kehilangan pendapatan ini juga mendorong kepada kehilangan pekerjaan secara tetap apabila tindakan penamatan perkhidmatan pekerja terpaksa dilakukan oleh majikan. Terdapat juga penamatan yang berlaku akibat daripada penutupan syarikat majikan secara tetap.

3. Secara umumnya, pekerja akan dilindungi oleh undang-undang pekerjaan di mana seseorang itu bekerja. Dalam konteks ini, pekerja Malaysia di Singapura, adalah turut tertakluk di bawah undang-undang pekerjaan dan polisi penggajian pekerja asing Kerajaan Singapura. Sehubungan dengan itu, Pihak Atase Buruh Malaysia di Singapura sentiasa bekerjasama dengan pihak *Ministry of Manpower Singapore* (MOM) bagi memastikan hak dan kebajikan pekerja Malaysia sentiasa dipelihara.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Bagi memastikan hak dan kebajikan pekerja Malaysia sentiasa terpelihara, pihak Pejabat Atase Buruh telah mengambil beberapa inisiatif

untuk membantu pekerja-pekerja yang terkesan ini. Antara inisiatif tersebut adalah merangkumi perkara-perkara berikut:

- (i) **Khidmat nasihat perburuhan kepada pekerja Malaysia yang terlibat dengan penamatan pekerjaan**
 - a. Para pekerja yang melaporkan penamatan akan diberi khidmat nasihat mengenai hak mereka di bawah undang-undang dan polisi perburuhan Kerajaan Singapura. Setakat ini, terdapat **348 orang pekerja Malaysia** yang melaporkan penamatan kerja mereka kepada Pejabat Atase Buruh Malaysia di Singapura dari **16 Jun hingga 21 Oktober 2020**. Daripada jumlah ini, sebanyak **33% menyatakan mereka telah dibayar faedah penamatan**, manakala selebihnya tidak dibayar faedah penamatan kerana tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.
 - b. Di samping itu, pihak Pejabat Atase Buruh turut memberikan khidmat nasihat perburuhan kepada rakyat Malaysia yang telah diberhentikan dan juga yang telah pulang ke Malaysia supaya mereka mendaftarkan diri di **MYFuturejobs** di bawah seliaan Kementerian Sumber Manusia untuk mendapatkan peluang pekerjaan baharu di Malaysia.
- (ii) Menjalinkan kerjasama dengan pihak *Ministry of Manpower Singapore* (MOM) berhubung aduan pekerja Malaysia
 - a. Sekiranya pekerja Malaysia merasakan keputusan majikan atau perundangan sedia ada tidak memberikan keadilan sewajarnya, mereka boleh memfailkan kes aduan kepada pihak *Ministry of Manpower Singapore* (MOM). Pejabat Atase Buruh akan membantu dengan memantau kes aduan tersebut dan melaksanakan tindakan 'follow up' dengan pihak *Ministry of Manpower Singapore* (MOM).

SOALAN NO : 20

- (iii) Menjalinkan kerjasama bersama pertubuhan bukan kerajaan (NGO)
- a. Jalinan kerjasama yang diusahakan termasuklah mencari dan menyenaraikan tempat tinggal yang bersesuaian dan harga berpatutan bagi pekerja yang terpaksa tinggal di Singapura disebabkan kesukaran untuk berulang alik dari Malaysia ke Singapura. Di samping itu, usaha juga dibuat untuk membantu menyediakan tempat tinggal sementara untuk pekerja yang terkandas sebelum pulang ke tanah air.
 - b. Selain itu, pihak Pejabat Atase Buruh turut menghubungi para pekerja yang terkandas supaya bantuan sewajarnya dapat diberikan dengan kadar segera seperti memudahkan dan melancarkan proses kepulangan mereka ke Malaysia.
- (iv) Membantu menguruskan penghantaran pulang pekerja kumpulan rentan (*vulnerable group*)
- a. Pihak Pejabat Atase Buruh turut membantu menguruskan pengangkutan pulang ke Malaysia kepada pekerja kumpulan rentan (*vulnerable group*) seperti orang kurang upaya (OKU), wanita mengandung dan orang tua yang terkandas di Singapura.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Bagi mereka yang pulang mencari kerja di Malaysia, Kerajaan memperkenalkan beberapa inisiatif bagi mereka yang kehilangan pekerjaan. Antara **inisiatif PENJANA berkaitan sumber manusia**, iaitu :

- i) **Program Subsidi Upah** merupakan bantuan kewangan yang dibayar kepada majikan setiap perusahaan bagi setiap pekerja tempatan yang bergaji RM4,000 ke bawah.

SOALAN NO : 20

- ii) **Menaik taraf Portal Perkhidmatan Pekerjaan Negara** bertujuan untuk memperkukuh portal pekerjaan dan padanan kerja serta bekerjasama dengan portal pekerjaan swasta untuk padanan kerja.
- iii) **Program Insentif Pengambilan Pekerja dan Bantuan Latihan** bagi menggalakkan pengambilan pekerja dengan menyediakan insentif kewangan kepada majikan.
- iv) **Program Kemahiran dan Peningkatan Kemahiran** bagi meningkatkan kebolehpasaran golongan penganggur melalui program latihan untuk mendapat kemahiran dan meningkatkan kemahiran.
- v) **Perlindungan Sosial dan Latihan bagi Pekerja Ekonomi Gig** untuk menjamin keselamatan sosial dan kebajikan golongan pekerja ekonomi gig.

Sekian, terima kasih.